



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**19 November 2022
24 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Bot baharu bantu nelayan raih hasil tangkapan berganda
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Minat memancing satukan Skala Mega Anglers
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS KERJASAMA					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		12	19.11.2022

Bot baharu bantu nelayan raih hasil tangkapan berganda

BUTTERWORTH: Kehidupan golongan nelayan di sini bertambah baik selepas hasil tangkapan mereka meningkat berkali-kali ganda setelah menerima bot, enjin dan peralatan baharu di bawah skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) sejak beberapa bulan lalu.

Nelayan dari Permatang Tepi Laut, Mat Isa Mat Noor, 64, berkata, sejak menggunakan bot yang lebih besar itu, dia mampu memperoleh pendapatan mencecah RM1,600 iaitu jauh lebih tinggi berbanding hasil tangkapannya sebelum ini antara RM400 hingga RM800.

"Sekarang, saya juga tak bimbang kalau alun ombak dan angin kuat kerana bot baharu ini lebih besar dan selamat."

"Enjin bot juga bagus dan saya dapat pulang dengan lebih cepat jika cuaca berubah," katanya di sini, baru-baru ini.

Mat Isa adalah antara 20 kumpulan nelayan pertama dari kawasan Pulau Pinang Selatan yang menerima bantuan itu sejak Ogos lalu daripada Timbalan Ketua Menteri, Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman

Ketika ini, semua nelayan berkenaan menerima bot masing-masing dengan penyerahan empat bot terakhir dilakukan dalam majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.



AHMAD Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kiri) bersama sebahagian nelayan yang menerima bantuan bot, enjin dan peralatan berkaitan di bawah skim SIMP di Butterworth, Pulau Pinang.

(PIC), Dato' Seri Farizan Darus, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Pengurus Jawatankuasa Taskforce, Nelayan berkata, program bantuan bot tersebut sepatutnya hanya dilaksanakan selepas projek Penang South Islands (PSI) mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP).

Bagaimanapun, kata beliau, keputusan kerajaan negeri untuk menyerahkan pemberian bantuan itu lebih awal kepada kumpulan 20 nelayan pertama berkenaan dilihat sebagai langkah tepat.

"Bot baharu yang berukuran 27 kaki (8.2 meter) panjang dan 7.4 kaki (2.2 meter) lebar serta enjin yang lebih berkuasa

membolehkan nelayan membawa hasil tangkapan yang lebih besar dan bergerak dengan lebih pantas," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Muhammad Long, 65, dari Teluk Kumbar bersyukur kerana dapat turun ke laut semula lebih awal selepas bot lamanya sebelum ini tenggelam.

"Bot dan enjin (berkapasiti) 90hp (kuasa kuda) baharu ini cukup memuaskan. Saya boleh pergi merata-rata (dengan laju). Kalau dulu, saya pakai enjin 60hp, nak pergi mana pun perlahan. Sekarang pergi laju, balik pun laju."

"Kerja cukup selesa sekarang. Kena ribut dan angin (kuat) juga selesa (masih berada selamat)," katanya yang menerima bantuan itu sejak September lalu.

JENIS AKU BAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		22	19/11/2022




MUHAMMAD AMIN menunjukkan ikan yang berjaya dinalakkan di perairan Sedili.



KUMPULAN Skala Mega Anglers dianggotai polis-polis bantuan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang berkongsi minat sama iaitu memancing.

Gewang



Oleh MASTURAH SURADI

MEMANCING menjadi hobi buat kebanyakan orang, begitu juga bagi kumpulan Skala Mega Anglers yang mana ahlinya terdiri daripada anggota polis bantuan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor.

Salah seorang ahlinya, Muhammad Amin Abdul Rashid, 32, berkata, mereka merupakan rakan sekera yang berkongsi minat sama iaitu memancing ikan secara berkumpulan.

Katanya, aktiviti yang dilakukan itu bukan sekadar hobi, bahkan menjadi peluang buat mereka melepaskan lelah bekerja.

Menurutnya, pembentukan kumpulan berkenaan yang terdiri daripada 30 ahli itu juga secara tidak langsung mengakrabkan lagi hubungan mereka sebagai rakan sekera.

"Seperti sawi, memancing memang satu hobi. Saya mula memancing sejak zaman sekolah dan sering menjadi aktiviti bila ada masa luang."

Memancing boleh hilangkan tekanan. Bila dapat memancing, jiwa rasa tenang saja. Lebih-lebih lagi bila dapat merasa impak tangkap ikan.

"Tidak sangka pulak ramai dalam kitaran rakan sekera yang turut berkongsi minat yang sama. Jadi, kami pun cubuhkan kumpulan ini bersama-sama. Selain dapat ikan, kami dapat hilangkan tekanan kerja."

"Lebih penting dapat mengeratkan lagi hubungan kami sebagai rakan sekera dan sahabat dalam berkongsi hobi yang sama," katanya.

Jelasnya, lokasi memancing yang selalu dituju adalah sekitar perairan Sedili di mana mereka akan berpatuk untuk menyewa bot bersama setelah perancangan dilakukan.

Menurutnya, perairan berkenaan menjadi "port" kerana hasil lautnya yang pelbagai dan ikan yang menjadi sasaran mereka seperti ikan tenggiri, kerapu,

Minat memancing satukan Skala Mega Anglers



TRIP memancing adakah mengambil masa sehingga dua hari.



ANTARA hasil tangkapan ikan yang berjaya dinalakkan ahli Skala Mega Anglers ketika memancing di perairan Sedili, Kota Tinggi, Johor.

merah dan pelbagai lagi.

"Lokasi perairan sekitar Sedili memang sudah terkenal sejak dahulu lagi dalam kalangan memancing. Memang sekitar perairan itu antara tempat kumpulan memancing selalu menaiki bot dan memancing."

"Ikan-ikan yang menjadi sasaran kami seperti tenggiri, ekek dan ikan karang yang memang banyak di sekitar perairan berkenaan."

Rasanya, bagi trip memancing, kami akan memaki bot yang disewa secara suatu kumpulan. Kami pernah menaikkan ikan lenggiri seberat 9 kilogram di perairan itu.

"Baiklah ikan terbesar."

yang pernah saya dapat sepanjang memancing tetapi ia merupakan saiz yang biasa ditemui di perairan Laut Cina Selatan. Namun, kejayaan menaikkan seekor ikan bersaiz sebegini sudah cukup memberi kepuasan," katanya.

Menerangkan lanjut, Muhammad Amin berkata, anggaran kos yang dikeluaran untuk satu kepala bagi setiap trip memancing berhampiran adalah lebih kurang RM250 yang melibatkan serantau lapan orang memancing.

Katanya, biasanya masa yang dibebaskan untuk memancing dengan memaki bot akan mengambil masa satu hari ke dua hari, namun melihat juga

kepada perancangan ahli kumpulan bersama tekong.

"Selain perairan Sedili, lokasi kami memancing adalah di pulau-pulau, di tebing, rumah rakit dan pantai. Kebiasaan dalam sebuah aplatlah kami ahli kumpulan meluangkan masa dua kali memancing bersama."

"Namun, ia bergantung kepada cuh kamin juga. Keadaan air pun perlu kita tengok juga sama ada sesuai atau tidak untuk memancing."

"Selain itu, perlu juga lihat musim dan keadaan angin."

"Jika musim tengkujuh tekong pun tidak berantai hendak keluar bawa trip memancing," katanya.